

Kinabalu  
Membaca  
tarik 8,000  
pengunjung



# Pesta Buku Kinabalu medan perkenal karya anak negeri

Oleh Nur Aqmila Fitri

bhsastera@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Sabah mempunyai barisan pengarang yang mantap malah sebahagian mereka sudah mencipta nama cukup besar dalam rana sastera kebangsaan.

Ruhaini Matdarin, Juri Durabi, Kathirina Tati, Ramzah Dambul, Witer Gunik dan Rita Robert Rawantas misalnya antara nama yang kerap disebut dan muncul dalam perbincangan sastera kebangsaan.

Malah, Sabah selaku antara negeri yang tidak pernah putus meraikan kesusasteraan dengan aktif mengelolakan pelbagai hadiah dan pengiktirafan berkaitan antaranya Hadiah Sastera Sabah juga Anugerah Sastera Negeri Sabah.

Bagaimanapun tanpa perbincangan lanjut juga pendedahan mengenai karya mereka kepada khlayak sastera, tidak mustahil kehebatan buah tangan barisan pengarang ini kurang dimesrai terutama dalam kalangan pembaca di Sabah sendiri.

Justeru menerusi penganjuran Pesta Buku Kinabalu pada 15 hingga 18 September lalu, sebanyak 12 buku penulis Sabah terbitan Nusa Centre turut dilancarkan dalam majlis yang disempurnakan oleh Menteri Tugasan Khas Kerajaan

Negeri Sabah, Datuk Dr Mohd.Arifin Mohd Arif.

Mohd Arifin dalam ucapannya semasa perasmian itu turut menyebut kerajaan negeri khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melihat penganjuran Pesta Buku Kinabalu sebagai usaha baik untuk memperkenalkan pengarang anak negeri selain membudayakan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat.

Malah, penganjuran pesta berkenaan akan dijadikan sebagai acara tahunan dengan skala lebih besar.



▲ Pesta Buku Kinabalu yang berlangsung pada 15 hingga 18 September lalu.

Selain Nusa Centre, antara pemamer yang turut serta termasuklah PTS, Iman Publication, Patriots, Fixi, Al-Ameen, Bibliopress, Gadis Buku, Areesh Education, Bundusan Book, Iris Publication, EZ Way, selain agensi kerajaan seperti Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

## Sambutan memberangsangkan

Pesta berkenaan walaupun diadakan selama empat hari sahaja, ia mampu mencatat kunjungan mencecah 8,000 pengunjung. Meskipun jumlah itu relatifnya sedikit tetapi ia adalah jumlah sangat memberangsangkan buat pesta buku berskala kecil.

Apatah lagi acara berkenaan padat dengan pelbagai acara bagi memperkenalkan khlayak buku tempatan dengan penulis anak negeri. Antaranya perbincangan mengenai naskhah *Asrama* oleh Muhammad Fatrim yang dicetak buat pertama kalinya pada 2013 dan terus diterbitkan hingga kini.

Perbincangan itu yang dikendalikan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS), Prof Madya Ramzah Dambul turut menampilkan Alis Padasian.

Karya lain yang turut dibincangkan sepanjang pesta buku itu berlangsung termasuklah *Seteru dalam Keheningan* (Ruhaini Matdarin), *Di Hujung Tajam Pedang Samurai* (Witer Gunik) dan *Sejadah*

*Cinta* (Juri Durabi). Kesemua karya itu diperkatakan oleh Pensyarah Universiti Malaya, Dr Mohamad Saleeh Rahamad, ahli lembaga pengelolan DBP, Datuk Jasni Matlani dan penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara 2011, SM Zakir.

Satu hal yang menarik mengenai penganjuran Pesta Buku Kinabalu adalah pencarian manuskrip. Acara yang dikendalikan SM Zakir dan Ruhaini itu memberi peluang kepada penulis serta bakal penulis untuk mengetahui manuskrip bagaimana yang diinginkan penerbit. Dalam acara itu, peserta turut dimaklumkan mengenai gaya penerbitan, tema dan keperluan mencari idea segar serta memancing minat pembaca bagi membolehkan tulisan mereka diterbitkan.

Sementara itu, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah Fatimah Abdillah selaku penganjur bersama berkata, walaupun pihaknya pernah menganjurkan pesta buku kira-kira 20 tahun lalu, penganjuran kali ini boleh dikatakan julung kali diadakan pada dekad baharu ini.

"Penganjuran kali ini memang memberi sentuhan yang berbeza. Apatah lagi dengan slogan, 'Kinabaluku membaca, bah' ia ternyata berpotensi menjadi pemangkin budaya membaca di Sabah.

"Malah pada akhir acara, pemamer seperti seperti PTS, Iman, Patriot, dan Nusa Centre khususnya berjaya meraih jumlah jualan memberangsangkan," katanya.